

SIMPULAN BAHASA



Tangan Panjang

Suka mencuri.

Amir ditegur oleh cikgu kerana bersikap tangan panjang di koperasi sekolah.

Ayam Tambatan

Harapan utama dalam sesuatu pertandingan

Aina menjadi ayam tambatan pasukan sekolah dalam pertandingan bercerita.



@cikgujue

SIMPULAN BAHASA



Campur Tangan

Masuk campur dalam urusan orang lain.

Amir suka campur tangan dalam perbincangan rakan-rakan lain.

Berat Mulut

Malu atau segan untuk bercakap.

Aina berat mulut untuk bertanya soalan walaupun dia tidak faham.



@cikgujue

SIMPULAN BAHASA



KEPALA ANGIN

Berubah-ubah
perangoi atau mood

Aina kepala angin hari
ini, sekejap marah,
sekejap ketawa.

PANJANG AKAL

Bijak mencari idea
atau jalan
penyelesaian

Amir panjang akal
kerana berjaya
menyelesaikan
masalah permainan itu.



@cikgujue

SIMPULAN BAHASA



Anak Emas

Anak yang disayangi
atau diberi keistimewaan

Sara menjadi anak
emas cikgu kerana
sikapnya yang rajin
dan sopan.

Ringan Mulut

Mudah bertanya
atau suka berbual

Amir ringan mulut
bertanya apabila
tidak faham
pelajaran di dalam
kelas.



@cikgujue

SIMPULAN BAHASA



Buah Hati

Orang yang
disayangi.

Adik kecil itu menjadi
buah hati seluruh
keluarga.

Langkah Seribu

Lari dengan
cepat kerana
ketakutan.

Apabila melihat
anjing liar, Amir
terus mengambil
langkah seribu.



@cikgujue

SIMPULAN BAHASA

Bawa Mulut

Menyebarkan cerita atau mengumpat.

Sara ditegur kerana suka bawa mulut tentang kawan-kawannya.



Tangan Kosong

Datang tanpa membawa apa-apa.

Amir datang ke majlis hari jadi dengan tangan kosong kerana lupa membeli hadiah.

@cikgujue

SIMPULAN BAHASA



Mandi Peluh

Bekerja keras
hingga berpeluh-peluh.

Amir mandi peluh
membantu ayah
membersihkan halaman
rumah.

Khabar Angin

Berita yang belum
pasti kebenarannya

Aina tidak mudah
percaya dengan
khabar angin
tentang pertukaran
guru.



@cikgujue

SIMPULAN BAHASA

Jatuh Air Muka

Hilang maruah.

Aiman jatuh air muka apabila dimarahi di hadapan rakan-rakan.



Makan Hati

Menanggung perasaan sedih atau kecewa.

Sara makan hati kerana sering dipinggirkan oleh kawan-kawan.

Telinga Kualiti

Tidak mendengar nasihat atau teguran

Aina telinga kualiti walaupun cikgu sudah banyak kali menasihatinya.



@cikgujue

SIMPULAN BAHASA

Telinga Nipis

Mudah terasa hati apabila ditegur.

Aina telinga nipis apabila ditegur oleh gurunya.



Berat Tangan

Malas membuat kerja.

Amir berat tangan untuk mengemas bilik walaupun sudah diingatkan.

@cikgujue